



Nota SMART

Konsep Kedaulatan

- Kedaulatan bermaksud kekuasaan tertinggi dan kewibawaan sesebuah negara yang bebas.
- Sesebuah negara mempunyai hak untuk melaksanakan pentadbiran sendiri.
- Takrif kedaulatan mengikut bahasa
 - Bahasa Yunani
 - Perkataan *supernuus* atau *superanus* yang bermaksud agung atau tertinggi dan negara yang bebas dan merdeka.
 - Bahasa Inggeris
 - Perkataan *sovereignty* yang bermaksud negara berkuasa penuh terhadap pemerintahannya.
 - Bahasa Arab
 - Perkataan *daulah* yang bermaksud kuasa pemerintahan sesebuah kerajaan.
 - Bahasa Melayu
 - Perkataan *daulat* yang bermaksud kekuasaan tertinggi terhadap pemerintahan negara.
- Pandangan tokoh tentang kedaulatan
 - Aristotle
 - Kuasa tertinggi dalam pemerintahan sesebuah negara.
 - Ibnu Khaldun
 - Kekuatan dan kekuasaan sesebuah negara berasaskan semangat kekitaan bangsanya.
 - Jean Bodin
 - Kuasa tertinggi dalam sesebuah negara. Mempunyai sifat kekal dan kuasa tidak terbatas.
 - Tunku Abdul Rahman Putra Al-Haj
 - Dibina berdasarkan prinsip kebebasan dan keadilan yang sentiasa memperjuangkan kebajikan dan kesejahteraan rakyat
 - Tun Dr. Mohamed Salleh Abas
 - Merupakan asas negara yang merdeka, memiliki kebebasan pada peringkat antarabangsa.

• Jenis kedaulatan

- Kedaulatan tradisional
 - Pemerintahan berkuasa mutlak yang berdasarkan kekuasaan dan kewibawaan raja.
- Kedaulatan moden
 - Berdasarkan idea negara bangsa selepas Revolusi Keagungan di England dan Revolusi Perancis.
- Kedaulatan undang-undang
 - Kerajaan dan rakyat terikat oleh undang-undang yang perlu dipatuhi bagi menjamin keadilan dalam kehidupan masyarakat.
- Kedaulatan antarabangsa
 - Pengiktirafan Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB) terhadap sesebuah negara.

Ciri Negara yang Berdaulat

- Mempunyai pemerintahan
 - Dijalankan secara teratur bagi menjaga kestabilan politik, keamanan, pertahanan dan ekonomi.
 - Malaysia ialah negara persekutuan yang mengamalkan sistem Raja Berperlembagaan dan Demokrasi Berparlimen.
- Mempunyai sempadan
 - Garis pemisah antara negeri atau negara.
 - Penetapan sempadan memudahkan urusan pemerintahan, pentadbiran, pertahanan dan pembangunan ekonomi negara.
- Mempunyai perundangan
 - Menjadi asas kepada peraturan negara yang berpandukan perlembagaan.
- Mempunyai rakyat
 - Penduduk terikat dengan undang-undang dan peraturan yang dikuatkuasakan.
 - Terdiri daripada pelbagai kaum, agama dan adat resam yang disatukan melalui satu bahasa dan kebudayaan, Rukun Negara serta identiti nasional yang sama.



Kepentingan Mewujudkan Negara Berdaulat

- Keberkesanan pentadbiran
 - Negara bebas menjalankan pentadbiran tanpa campur tangan pihak luar.
 - Dasar pentadbiran dilaksanakan dengan berkesan melalui Jemaah Menteri dan kementerian.
- Kemakmuran ekonomi
 - Penting untuk melaksanakan dasar kemakmuran ekonomi.
 - Diperkenalkan melalui dasar pembangunan ekonomi negara.
- Kesejahteraan sosial
 - Penting untuk negara melaksanakan dasar sosial untuk kesejahteraan rakyat.
 - Melahirkan generasi yang berilmu dan berkemahiran melalui pendidikan.
- Kecemerlangan hubungan luar negara
 - Penting bagi memberikan hak kepada negara menjalinkan hubungan dengan negara lain.
 - Dibentuk melalui penggubalan dasar luar negara.

Langkah Mempertahankan Kedaulatan Negara

- Mewujudkan kestabilan politik dan kemakmuran ekonomi.
 - Peranan pemimpin
 - Mentadbir dengan cekap.
 - Menjalankan pelbagai usaha bagi memajukan ekonomi.
 - Peranan rakyat
 - Memberikan kerjasama untuk menjayakan usaha tersebut.
 - Mematuhi undang-undang negara.
- Mengekalkan perpaduan kaum.
 - Peranan pemimpin
 - Menggubal dasar dan undang-undang berkaitan dengan perpaduan kaum dan integrasi nasional.
 - Memastikan keberkesanan pelaksanaan dasar berkaitan dengan bahasa, pendidikan dan kebudayaan oleh kementerian serta agensi.
 - Peranan rakyat
 - Melibatkan diri dalam program kemasyarakatan bagi memupuk kerjasama kaum.
 - Menggunakan bahasa kebangsaan dan menghayati Rukun Negara.

- Memupuk patriotisme.
 - Peranan pemimpin
 - Menganjurkan sambutan Hari Kebangsaan dan Hari Pahlawan.
 - Menganjurkan kempen dan menerbitkan filem atau rencana untuk memupuk semangat patriotisme.
 - Peranan rakyat
 - Menghormati lambang negara seperti Jalur Gemilang, Jata Negara dan lagu Negaraku.
 - Menghargai adat resam dan warisan bangsa.



- Mengukuhkan pertahanan negara.
 - Peranan pemimpin
 - Menggubal dasar dan undang-undang untuk melindungi keselamatan negara.
 - Mengadakan perjanjian pertahanan dan latihan ketenteraan bersama dengan negara serantau dan antarabangsa.
 - Peranan rakyat
 - Peka terhadap isu keselamatan negara.
 - Sanggup berkorban nyawa demi mempertahankan kedaulatan negara.





Nota SMART

Latar Belakang Sejarah Perlembagaan Persekutuan

- Perlembagaan merupakan undang-undang tertinggi.

Asas Pembentukan Perlembagaan

- Undang-undang Negeri Melayu
 - Sultan sebagai pemerintah.
 - Rakyat memberikan ketaatsetiaan.
 - Raja menentukan undang-undang dan sistem pemerintahan.
 - Undang-undang pada zaman Kesultanan Melayu Melaka mempengaruhi kandungan undang-undang bertulis di negeri Melayu yang lain.
 - Contohnya, Undang-undang Johor, Undang-undang Kedah, Hukum Kanun Pahang dan Undang-undang 99 Perak.
 - Sebelum kedatangan British, undang-undang dan adat Melayu dijadikan asas perlembagaan.
 - Panduan serta kawalan kepada raja dan pembesar.
 - Mengalami perubahan selaras dengan perkembangan masyarakat sehingga pengenalan undang-undang dari barat.
- Undang-undang Inggeris
 - Di Negeri-negeri Selat, British telah memperkenalkan undang-undang dari England yang dikenali sebagai *Charter of Justice*.
 - Hanya piagam yang bersesuaian dengan kegunaan Negeri-negeri Selat diguna pakai.
 - Di Sarawak, terdapat *The Sarawak Application of Laws Ordinance 1949* yang menggunakan *The Common Law of England*.
 - Di Sabah, terdapat *Sabah Application of Laws Ordinance 1951*.

Sejarah Penggubalan Perlembagaan Persekutuan

- 1877
 - Mesyuarat pertama Majlis Negeri Perak pada tahun 1877.
 - Dipengerusikan oleh Raja Muda Yusuf.
 - Menjadi titik tolak kepada pembentukan undang-undang negara.
 - Berperanan menggubal undang-undang bagi negeri Perak.
- 1946
 - Undang-undang di NNS digubal oleh Majlis Undangan Negeri.
 - Undang-undang di NNMB digubal oleh Majlis Persekutuan.
 - Undang-undang di NNMTB digubal oleh Majlis Negeri.
- 1948
 - Perjanjian Persekutuan Tanah Melayu 1948 merupakan titik penting pembentukan Persekutuan yang terdiri daripada negeri-negeri Melayu, Melaka dan Pulau Pinang.
 - Kandungan dalam Persekutuan Tanah Melayu 1948 termasuklah pentadbiran, kuasa raja Melayu, perundangan dan kewarganegaraan.
- 1957
 - Penubuhan Suruhanjaya Perlembagaan Persekutuan Tanah Melayu atau Suruhanjaya Reid.
 - Perlembagaan Persekutuan Tanah Melayu 1957 berasaskan model Westminster.
 - Berkuat kuasa sejurus selepas kemerdekaan negara pada 31 Ogos 1957.
 - Menjadi asas kepada perlembagaan negara pada hari ini.

Ciri Utama Perlembagaan Persekutuan

- Ciri Tradisional
 - Kesultanan atau pemerintahan beraja
 - Sultan sebagai pemerintah berdaulat dan berkuasa penuh.

- Selepas merdeka, disesuaikan dengan konsep Demokrasi Berparlimen.
- Yang di-Pertuan Agong sebagai pemerintah tertinggi negara.
- Peringkat negeri, Sultan merupakan ketua negeri.
- Agama Islam
 - Zaman British, raja tidak perlu menerima nasihat daripada penasihat British
 - Selepas merdeka, agama Islam bagi negeri Melayu terletak di bawah kuasa raja.
 - Wilayah Persekutuan dan negeri yang tidak beraja diletak di bawah bidang kuasa Yang di-Pertuan Agong.
- Bahasa Melayu
 - Sejak zaman Kesultanan Melayu, digunakan dalam sistem pemerintahan.
 - Menjadi *lingua franca* dan berperanan sebagai bahasa ilmu.
 - Kini, menjadi bahasa rasmi negara kita.
- Kedudukan orang Melayu dan kaum bumiputera
 - Sebelum merdeka, di bawah kuasa sultan dan ketua peribumi.
 - Apabila merdeka, Yang di-Pertuan Agong bertanggungjawab memelihara kedudukan istimewa orang Melayu dan bumiputera Sarawak dan Sabah serta kepentingan sah kaum lain.
- Ciri Moden
 - Kerajaan Persekutuan
 - Laporan Suruhanjaya Perlembagaan Persekutuan Tanah Melayu menyarankan Kerajaan Persekutuan diberikan kuasa autonomi dalam bidang tertentu.
 - Apabila Malaysia ditubuhkan, Sarawak dan Sabah diberikan beberapa autonomi.
 - Sistem Demokrasi Berparlimen
 - Asas kepada demokrasi ialah pilihan raya umum pertama (1955).
 - Pilihan raya diadakan untuk memberikan kebebasan kepada rakyat memilih wakil pemimpin dan menubuhkan kerajaan.
 - Kewarganegaraan
 - Kewarganegaraan Persekutuan mula diperkenalkan pada tahun 1948 melalui Perjanjian Persekutuan Tanah Melayu.
 - Kemerdekaan Tanah Melayu dan pembentukan Malaysia melahirkan taraf kewarganegaraan yang sama.

Pindaan Perlembagaan Persekutuan 1963 dan 1965

- Pindaan Perlembagaan 1963
 - Struktur Mahkamah Atasan
 - Mengikut model Mahkamah Tertinggi di England.
 - Mahkamah Persekutuan diwujudkan sebagai Mahkamah Atasan.
 - Mahkamah Atasan diwujudkan di Persekutuan Tanah Melayu, Singapura serta Sarawak dan Sabah.
 - Mahkamah Persekutuan boleh mendengar mana-mana persoalan perlembagaan dan pertikaian antara Kerajaan Persekutuan dengan Kerajaan Negeri.
 - Pembentukan Mahkamah Tinggi Borneo
 - Mahkamah Tinggi Borneo untuk menguruskan soal kehakiman di Sarawak dan Sabah.
 - Jawatan Ketua Hakim Borneo (1963) diwujudkan berpusat di Kuching, Sarawak.
 - Pada tahun 1994, nama jawatan diubah kepada Ketua Hakim Sarawak dan Sabah.
 - Jawatan Yang di-Pertua Negeri
 - Apabila Malaysia dibentuk, Sarawak dan Sabah diketuai oleh Yang di-Pertua Negeri yang dilantik oleh Yang di-Pertuan Agong.
 - Yang di-Pertua Negeri menjalankan tugasnya mengikut nasihat Majlis Tertinggi bagi Sarawak dan Kabinet Negeri bagi Sabah.
- Pindaan Perlembagaan 1965
 - Pindaan perlembagaan dinamakan pindaan Singapura diusulkan oleh Tunku Abdul Rahman Putra al-Haj selaku Perdana Menteri Malaysia pertama di Parlimen pada 7 Ogos 1965.
 - Parlimen telah meluluskan usul tersebut untuk membolehkan Singapura keluar dari Malaysia.
 - Semua perkara berkaitan dengan Singapura dimansuhkan dalam Perlembagaan Malaysia (Pindaan 1965).
 - Contohnya dari segi imigresen, kewangan, pertahanan dan hubungan luar negara.
 - Pindaan perlembagaan yang dibuat pada tahun 1965 menyaksikan pemisahan Singapura daripada Malaysia.



Nota SMART

Latar Belakang Pemerintahan Beraja dan Demokrasi Berparlimen

- Pemerintahan beraja Kesultanan Melayu Melaka
 - Diwarisi oleh Kesultanan Johor Riau, Pahang, Perak, Terengganu, Selangor, Kelantan, Negeri Sembilan, Perlis dan Kedah.
 - Raja sebagai ketua kerajaan yang berkuasa mutlak, ketua agama dan sumber undang-undang.
 - Pemerintahan berdasarkan Hukum Kanun Melaka dan Undang-Undang Laut Melaka.
- Sebelum Perang Dunia Kedua
 - British hanya berjaya memperkenalkan Sistem Residen di NNMB dan Sistem Penasihat di NNMTB.
 - Raja-raja Melayu kekal memerintah dengan campur tangan British.
- Semasa Pendudukan Jepun
 - Raja-raja Melayu diiktiraf sebagai ketua dalam hal ehwal agama Islam dan adat Melayu dan diletakkan di bawah pengawasan Gabenor Jepun.
- Selepas Perang Dunia Kedua
 - British memerintah Malayan Union secara langsung melalui Gabenor yang dilantik oleh Ratu England.
 - Perlembagaan Persekutuan Tanah Melayu 1948 mengembalikan semula kedaulatan Raja-raja Melayu.
- Raja Berperlembagaan dan Demokrasi Berparlimen Selepas Merdeka
 - Pemerintahan beraja diteruskan.
 - Pindaan dilakukan supaya sesuai dengan konsep Demokrasi Berparlimen.
 - Jawatan Yang di-Pertuan Agong diwujudkan sebagai Ketua Utama Negara.
 - Raja diiktiraf sebagai pemerintah tertinggi negara.

Sejarah dan Kedudukan Institusi Majlis Raja-Raja

- Majlis Raja-raja bermula daripada pembentukan Durbar pada tahun 1897.
- Merupakan sebahagian daripada institusi Raja Berperlembagaan.
- Berperanan sebagai pengimbang dalam sistem demokrasi melalui dua cara, iaitu hak untuk berunding dalam pelantikan penting dan hak untuk membincangkan hal-hal berhubung dasar negara.



Persidangan Durbar pertama

Yang di-Pertuan Agong dan Raja dalam Perlembagaan Persekutuan

- Institusi Yang di-Pertuan Agong
 - Jawatan Yang di-Pertuan Agong diwujudkan selepas negara mencapai kemerdekaan pada tahun 1957.
 - Yang di-Pertuan Agong dipilih dalam kalangan sembilan raja yang memerintah negeri dalam Persekutuan.
 - Pemilihan Yang di-Pertuan Agong dilakukan oleh Majlis Raja-Raja.
- Kedudukan Yang di-Pertuan Agong
 - Termaktub dalam Perkara 32 Perlembagaan Persekutuan.
 - Sebagai Ketua Utama Negara, Yang di-Pertuan Agong menjadi lambang kedaulatan, ketaatan, perpaduan, kebesaran dan kemuliaan negara.
- Kuasa Yang di-Pertuan Agong
 - Diperuntukkan dalam Perlembagaan Persekutuan.
 - Bidang kuasa Yang di-Pertuan Agong meliputi kuasa eksekutif, perundangan dan kehakiman.

Amalan Demokrasi dan Pengasingan Kuasa

- Demokrasi Berparlimen diterima sebagai sistem pentadbiran negara.
- Ciri demokrasi merangkumi amalan pilihan raya, kebebasan asasi dan pembahagian kuasa pada peringkat Persekutuan dan Negeri.
- Amalan pilihan raya
 - Pada asasnya, pilihan raya diadakan dalam tempoh lima tahun sekali.
- Kebebasan asasi
 - Merupakan hak seseorang individu di sisi undang-undang.
 - Antaranya ialah kebebasan diri, kebebasan beragama, hak berkenaan dengan pendidikan serta kebebasan bersuara, berhimpun dan berpersatuan.
- Pengasingan kuasa dalam pemerintahan
 - Badan perundangan berfungsi menggubal undang-undang.
 - Badan perundangan peringkat Kerajaan Persekutuan ialah Parlimen, manakala Dewan Undangan Negeri pada peringkat Kerajaan Negeri.
 - Badan eksekutif ialah badan pemerintah yang melaksanakan kuasa eksekutif.
 - Badan eksekutif pada peringkat Kerajaan Persekutuan ialah Jemaah Menteri, manakala Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri pada peringkat Kerajaan Negeri.
 - Badan Kehakiman bertanggungjawab mentafsirkan, melaksanakan undang-undang dan mempertahankan Perlembagaan Persekutuan.
 - Yang di-Pertuan Agong sebagai Ketua Utama Negara merupakan punca kuasa kepada ketiga-tiga badan tersebut.



Parlimen

Keunikan Amalan Demokrasi Berparlimen

- Gabungan unsur tradisional dan moden dalam pentadbiran
 - Unsur tradisional terletak pada kedudukan raja sebagai warisan sosiopolitik masyarakat Melayu.
 - Unsur moden ialah Demokrasi Berparlimen berdasarkan model Westminster England.
- Mekanisme semak dan imbang dalam pentadbiran
 - Melalui Sistem Raja Berperlembagaan dan Demokrasi Berparlimen.
 - Pemerintahan beraja berkecuali dalam politik, ekonomi dan dasar negara mampu meredakan konflik dalam demokrasi.
 - Konsep pengasingan kuasa antara badan perundangan, badan eksekutif dan badan kehakiman.
- Kuasa budi bicara Raja
 - Pelantikan ketua Kerajaan Persekutuan, iaitu Perdana Menteri serta kuasa untuk tidak memperkenankan permintaan pembubaran Parlimen oleh Yang di-Pertuan Agong.
 - Pelantikan ketua Kerajaan Negeri, iaitu Menteri Besar dan Ketua Menteri serta kuasa untuk tidak memperkenankan pembubaran DUN oleh Raja dan Yang di-Pertua Negeri.
- Kerjasama politik
 - Melibatkan perkongsian kuasa antara kaum berdasarkan prinsip toleransi, perundingan dan pengorbanan bagi mewakili suara setiap kaum.
 - Permuafakatan parti politik pelbagai kaum dan ideologi dalam satu gabungan membolehkan parti-parti politik membentuk kerajaan dan berkongsi kuasa dalam pemerintahan di negara kita.
 - Kerjasama politik di Malaysia

Tahun pembentukan	Kerjasama politik
1990	Angkatan Perpaduan Ummah (APU)
1999	Barisan Alternatif (BA)
2008	Pakatan Rakyat (PR)
2015	Pakatan Harapan (PH)
2018	Gabungan Parti Sarawak
	Gabungan Bersatu Sabah (GBS)
2020	Perikatan Nasional



Nota SMART

Latar Belakang Sistem Persekutuan di Negara Kita

- Persekutuan 1896
 - Tiada agihan kuasa dan fungsi khusus antara kerajaan Pusat dengan Kerajaan Negeri.
 - Keputusan pentadbiran banyak dibuat oleh Residen Jeneral di Kuala Lumpur sebagai pusat pentadbiran NNMB.
- Majlis Mesyuarat Persekutuan 1927
 - Bertujuan memperkemas tadbir urus Persekutuan dan mengukuhkan kedudukan British di NNMB.
- Kesatuan Malaya (Malayan Union) 1946
 - Menyatukan pentadbiran semua negeri Melayu, Pulau Pinang dan Melaka.
 - Diketuai oleh Gabenor British.
 - Gagal diteruskan setelah mendapat bantahan Raja-raja Melayu dan orang Melayu.
- Persekutuan Tanah Melayu 1948
 - Gabungan sembilan negeri Melayu serta Pulau Pinang dan Melaka.
 - Pengagihan kuasa peringkat Persekutuan dan Negeri.
- Persekutuan Tanah Melayu 1957
 - Persekutuan Tanah Melayu yang merdeka.
 - Diperkukuh dengan sistem Raja Berperlembagaan dan Demokrasi Berparlimen.
 - Jawatan Yang di-Pertuan Agong diwujudkan sebagai Ketua Persekutuan.
- Persekutuan Malaysia 1963
 - Berdasarkan Perjanjian Malaysia.
 - Terdiri daripada 11 buah negeri Tanah Melayu, Sarawak, Sabah dan Singapura.

Kuasa Kerajaan Persekutuan dan Kerajaan Negeri

- Kuasa Kerajaan Persekutuan
 - Parlimen merupakan institusi yang berkuasa menggubal undang-undang bagi seluruh Malaysia.
 - Kandungan Senarai Persekutuan termasuklah hal ehwal luar negeri, pertahanan, keselamatan dalam negeri, pentadbiran keadilan, kewarganegaraan, kewangan, pelajaran, perhubungan dan pengangkutan, perubatan serta kesihatan.
- Kuasa Kerajaan Negeri
 - Dewan Undangan Negeri (DUN) yang berkuasa menggubal undang-undang bagi negerinya.
 - Senarai Negeri termasuklah undang-undang Islam, tanah, pertanian dan perhutanan, kerajaan tempatan dan hari kelepasan negeri.
- Senarai Bersama
 - Parlimen dan DUN menggubal undang-undang untuk perkara yang sama.
 - Antaranya, kebajikan awam, biasiswa, perlindungan haiwan liar dan taman negara, kesihatan awam, kebersihan dan pencegahan penyakit, kebudayaan dan sukan serta perumahan.
- Peruntukan tambahan bagi Sarawak dan Sabah
 - Di bawah Akta Imigresen 1963, Negeri Sarawak dan Sabah diberikan kuasa untuk mengekalkan kuasa kawalan, kemasukan dan kediaman di negeri-negeri berkenaan.
- Fungsi Kerajaan Tempatan
 - Menyediakan perkhidmatan pembersihan
 - Menjaga kesihatan awam
 - Mengindahkan kawasan
 - Menyenggara sistem saliran
 - Menyenggara jalan raya
 - Menyediakan perkhidmatan kecemasan

- Menyediakan kemudahan sukan dan kebudayaan
- Membangunkan perumahan awam
- Mengeluarkan lesen dan kawalan penjaja
- Menyediakan pasukan bantuan dan penyelamat
- Menyediakan kemudahan awam

Kerjasama Kerajaan Persekutuan dan Kerajaan Negeri

- Kerjasama pembangunan sosioekonomi
 - Pembangunan tanah
 - Pembukaan tanah baharu dan pembangunan in-situ.
 - Penubuhan FELDA dan FELCRA.
 - Pembangunan wilayah
 - Membangunkan wilayah baharu.
 - Penubuhan KEJORA, DARA, KETENGAH, KEDA, PERDA, KESEDAR, SALCRA dan SLDB.
 - Pembangunan koridor wilayah
 - Memberikan tumpuan kepada pembangunan di negeri dan wilayah kurang pesat untuk mewujudkan pembangunan seimbang antara negeri dan wilayah.
- Kerjasama pemuliharaan khazanah negara
 - Pengurusan taman negara
 - Antara tahun 1972 – 1978, Kerajaan Persekutuan mengambil alih pentadbiran semua Jabatan Mergastua Negeri di Semenanjung Malaysia berikutan penguatkuasaan Akta Perlindungan Hidupan Liar 1972 (Akta 76).
 - Jabatan Mergastua dinamakan sebagai PERHILITAN.
 - Pada tahun 2010, Akta 76 digantikan dengan Akta Pemuliharaan Hidupan Liar 2010 (Akta 716).
 - Pengurusan taman laut
 - Majlis Penasihat Kebangsaan Taman Laut dan Rizab Laut dibentuk untuk menyelaraskan pentadbiran taman laut.



PERHILITAN



Jabatan Taman Laut Malaysia

- Kerjasama penyediaan perumahan rakyat
 - Perumahan awal kemerdekaan
 - Kementerian Kerajaan Tempatan dan Perumahan menyediakan perumahan kos rendah.
 - Kerajaan Negeri menjual tanah pada harga rendah kepada Kerajaan Persekutuan untuk membina rumah.
 - Perumahan untuk mengatasi kemiskinan
 - Program Perumahan Rakyat (PPR) oleh Kerajaan Persekutuan.
 - Program Perumahan Awam Kos Rendah (PAKR) oleh Kerajaan Negeri.
 - Perumahan Mampu Milik
 - Program peringkat Persekutuan ialah Perbadanan Perumahan 1Malaysia (PRIMA) dan Rumah Mesra Rakyat.
 - Program peringkat negeri ialah Rumah Selangorku dan Rumah Mampu Milik Johor.
- Kerjasama menjamin keselamatan dan kedaulatan negara
 - Pengisytiharan Bahagian Ketiga Sarawak sebagai Pemerintahan Keselamatan Kawasan Rajang (RASCOM) di Sarawak berikutan ancaman komunis di Sarawak.
 - Penubuhan Kawasan Keselamatan Khas Pantai Timur Sabah (ESSCOM) kesan pencerobohan pengganas dari Kepulauan Sulu.

Faktor yang Mengukuhkan Sistem Persekutuan

- Keluhuran Perlembagaan
 - Undang-undang yang digubal oleh Parlimen dan Dewan Undangan Negeri (DUN) tidak boleh bertentangan dengan Perlembagaan Persekutuan.
 - Perkara 75 Perlembagaan Persekutuan menjelaskan bahawa jika terdapat percanggahan antara undang-undang Negeri dengan undang-undang Persekutuan, maka undang-undang Persekutuan hendaklah mengatasi undang-undang Negeri.
- Penyelarasan Kerajaan Persekutuan dengan Kerajaan Negeri
 - Penyelarasan pentadbiran dibuat melalui Mesyuarat Menteri Besar dan Ketua Menteri serta majlis khas.



Nota SMART

Konsep Gagasan Malaysia

- Konsep yang menggabungkan bekas tanah jajahan British di Asia Tenggara.

Perkembangan Idea dan Usaha Pembentukan Malaysia

- Idea pegawai British
 - 1887 – Lord Brassey telah mencadangkan penggabungan Sarawak, Sabah, negeri Melayu dan NNS.
 - 1951 – Sir Malcom MacDonald telah mencadangkan penggabungan semua tanah jajahan British di Asia Tenggara.
 - 1952 – Sir Gerald Templar meminta penggabungan wilayah disegerakan.
 - 1960 – Sir Geofroy Troy mencadangkan penyatuan Singapura dan Persekutuan Tanah Melayu atas kepentingan ekonomi.
- Idea penduduk tempatan
 - 1906 – Majalah *Al-Imam* telah menggesa penyatuan raja dan orang Melayu dalam pendidikan dan pembangunan ekonomi di Alam Melayu.
 - 1938 – Nasionalis Tanah Melayu sebelum Perang Dunia Kedua memperjuangkan konsep Melayu Raya untuk menggabungkan Tanah Melayu dengan Indonesia.
 - 1955 – Tunku Abdul Rahman Putra al-Haj mencadangkan Singapura, Sarawak, Sabah dan Brunei menyertai Persekutuan Tanah Melayu.
 - 1958 – Datu Mustapha Datu Harun berminat untuk membawa Sabah bergabung dengan Persekutuan Tanah Melayu.
 - 1960 – Tunku Abdul Rahman Putra al-Haj memaklumi Lord Perth bahawa beliau berminat untuk bergabung dengan Sarawak, Sabah, Brunei dan Singapura.

Rasional Idea Pembentukan Malaysia

- Mengatasi masalah ancaman komunis di Singapura dan Sarawak.
- Menyeimbangkan komposisi penduduk antara orang Melayu dan orang Cina.

- Mempercepat kemerdekaan wilayah Borneo, terutama Sarawak dan Sabah serta merealisasikan rancangan dekolonisasi.
- Membangunkan wilayah bagi meningkatkan taraf hidup peribumi.

Reaksi Tempatan terhadap Pembentukan Malaysia

- Persekutuan Tanah Melayu
 - Sambutan baik daripada penduduk dan parti politik.
 - Terdapat perbezaan pendapat dalam pelaksanaannya.
- Sarawak
 - Mendapat sokongan daripada BARJASA, PANAS, PESAKA dan SCA.
 - SUPP dan SNAP menentang.
 - SNAP kemudiannya menyokong.
 - Pada tahun 1960, parti-parti politik membentuk Parti Perikatan Sarawak untuk menyatakan sokongan.
- Sabah
 - Pada peringkat awal, penduduk berasa curiga dan bimbang.
 - Ingin merdeka secara berasingan.
 - Menjelang pembentukan Malaysia, parti-parti politik menubuhkan gabungan menyokong Malaysia pada tahun 1963 yang dinamakan Sabah Alliance.
- Singapura
 - People's Action Party (PAP) menyokong.
 - Parti Rakyat Singapura menentang.
- Brunei
 - Sultan Brunei, Sultan Omar Ali Saifuddin menyokong.
 - Parti Rakyat Brunei pimpinan A.M. Azahari menentang.

Reaksi Negara Jiran terhadap Pembentukan Malaysia

- Peringkat awal, pemimpin Indonesia mengalu-alukan pembentukan Malaysia.
- Presiden Macapagal dari Filipina menentang kerana menuntut wilayah Sabah.

- Kerajaan Thailand menerima idea pembentukan Malaysia yang dapat memperkuatkan usaha ke arah keamanan di rantau Asia Tenggara.

Langkah Pembentukan Malaysia

- Lawatan ke negeri-negeri yang terlibat bagi menerangkan rancangan pembentukan Malaysia.
- Penubuhan Jawatankuasa Setia Kawan Malaysia (JSKM).
- Referendum di Singapura bagi meninjau reaksi penduduk Singapura.
- Rundingan di London pada tahun 1961 antara kerajaan Persekutuan Tanah Melayu dengan British.
- Pembentukan Suruhanjaya Cobbold bagi menilai reaksi penduduk di Sarawak dan Sabah.
- Pembentukan Jawatankuasa Antara Kerajaan (JAK) bagi menyediakan rangka perlembagaan dan membentuk keperluan melindungi kepentingan Sarawak dan Sabah.



Suruhanjaya Cobbold

Inti Pati Perjanjian Malaysia

- Tarikh pembentukan Malaysia adalah pada 31 Ogos 1963.
- Sarawak, Sabah dan Singapura akan menjadi ahli dalam Persekutuan Malaysia bersama-sama Persekutuan Tanah Melayu.
- Kerajaan British mengiktiraf kedaulatan Sarawak, Sabah dan Singapura dalam Malaysia.
- Sarawak dan Sabah diberi kelebihan untuk menubuhkan kabinet negeri serta peruntukan tempoh masa peralihan dalam bidang pentadbiran awam dan pendidikan.
- Kerusi Parlimen diberikan kepada Singapura sebanyak 15 kerusi, Sarawak 24 kerusi dan Sabah 16 kerusi.
- Penduduk bumiputera di Sarawak dan Sabah mendapat pengiktirafan sama seperti orang Melayu dalam Perlembagaan Persekutuan.

Konfrontasi dan Usaha Menangani

- Peristiwa penentangan
 - 20 Januari 1963, Indonesia mengisytiharkan dasar konfrontasi terhadap Malaysia dengan slogan "Ganyang Malaysia".

- Tentera Indonesia melancarkan serangan gerila di Sarawak, Sabah, dan Johor.
- Tindakan ketenteraan terawal berlaku apabila pendaratan tentera dan separa tentera Indonesia di Tebedu, Sarawak.
- Berlaku peristiwa tembak-menembak antara tentera Malaysia dengan Indonesia di Kalabakan, Sabah.
- Gerila Indonesia yang masuk ke Johor ditahan oleh pasukan tentera Malaysia.
- Dr. Ismail Abdul Rahman membawa isu serangan Indonesia ke Majlis Keselamatan PBB.
- Langkah menamatkan konfrontasi
 - 1963
 - PBB menghantar C.V. Narasimhan untuk berunding dengan pemimpin Indonesia dan Persekutuan Tanah Melayu.
 - Presiden Macapagal menganjurkan rundingan peringkat pegawai di Manila.
 - Tunku Abdul Rahman menerima undangan Presiden Soekarno untuk bertemu di Tokyo.
 - Tun Abdul Razak Hussein menghadiri mesyuarat peringkat Menteri Luar di Manila.
 - Tunku Abdul Rahman menghadiri mesyuarat bersama-sama Presiden Soekarno dan Presiden Macapagal di Manila.
 - 1964
 - Rundingan Malaysia, Indonesia dan Filipina melibatkan dua persidangan peringkat Menteri di Bangkok dan di Tokyo.
 - 1965
 - Konfrontasi ditamatkan selepas berlaku peralihan kepimpinan di Indonesia.
 - 1966
 - Indonesia mengumumkan penamatan dasar konfrontasi.
 - Tun Abdul Razak menandatangani perjanjian Persetujuan Normalisasi Hubungan Indonesia – Malaysia di Jakarta.



Perjanjian menamatkan konfrontasi



Nota SMART

Cabaran Dalaman Malaysia

- Cabaran pembangunan dan sosioekonomi di Sarawak dan Sabah
 - Mempelbagaikan kegiatan ekonomi.
 - Memajukan sistem perhubungan dan pengangkutan.
 - Memajukan sistem pendidikan.
- Cabaran politik Sarawak
 - Council Negri tidak berpuas hati dengan kepimpinan Ketua Menteri.
- Cabaran perpaduan kaum
 - Penduduk yang terdiri pelbagai latar belakang yang berbeza serta jarak yang jauh antara Sarawak dan Sabah dengan Persekutuan Tanah Melayu menyukarkan memupuk semangat satu negara.

Pemisahan Singapura

- Faktor politik
 - Pemimpin Singapura, Lee Kuan Yew tidak berpuas hati dengan peranan kerajaan Singapura yang terhad.
 - Konflik antara pemimpin PAP dengan Perikatan.
 - Kempen Malaysian Malaysia.
- Faktor ekonomi
 - Tuntutan Singapura untuk membuka pasaran bersama (*common market*).
 - Singapura tidak berpuas hati dengan cadangan tambahan cukai yang perlu diberikan kepada Kerajaan Persekutuan.
 - Singapura berhasrat mengenakan kadar faedah sebahagian daripada pinjaman sebanyak RM150 juta kepada Kerajaan Persekutuan bagi pembangunan Sarawak dan Sabah.
- Masalah perkauman
 - Berlaku rusuhan kaum pada 21 Julai 1964 sehingga menimbulkan ketegangan antara kaum di Singapura.
 - Rusuhan berlaku kesan daripada tuntutan persamaan hak yang sama rata bagi semua kaum.

Pemisahan Singapura daripada Malaysia

- 29 Jun 1965
 - Kegagalan rundingan Tun Abdul Razak Hussein dengan Lee Kuan Yew.
- 1 Julai 1965
 - Tunku Abdul Rahman Putra al-Haj mengarahkan Tun Abdul Razak Hussein bermesyuarat dengan beberapa menteri setelah rundingan tidak berjaya bertujuan berbincang mengenai pemisahan.
- Awal Ogos 1965
 - Rancangan pemisahan telah mendapat persetujuan dalam Mesyuarat Khas Kabinet Malaysia.
- 7 Ogos 1965
 - Tandatangan persetujuan Singapura keluar daripada Malaysia oleh Tunku Abdul Rahman Putra al-Haj dan Lee Kuan Yew.
- 9 Ogos 1965
 - Usul pemisahan Singapura ke dalam Parlimen Malaysia dibawa oleh Tunku Abdul Rahman Putra al-Haj.
 - Parlimen meluluskan rang undang-undang pemisahan Singapura.

Menangani Ancaman Komunis

- **Lokasi:** Sarawak
 - **Bentuk ancaman:**
 - Gerakan politik melalui PKKU, PARAKU dan PGRS untuk membentuk republik komunis di Sarawak.
 - Serangan bersenjata terhadap orang awam di Batu Kitang, Kuching.
 - **Langkah mengatasi:**
 - Perang Saraf
 - Operasi ketenteraan
- **Lokasi:** Semenanjung Malaysia
 - **Bentuk ancaman:**
 - Pembunuhan anggota keselamatan dan orang awam.
 - Pengeboman Tugu Negara.

- **Langkah mengatasi:**
 - Strategi Counterinsurgency (COIN)
 - Perjanjian Kerjasama Sempadan

Langkah membanteras ancaman komunis di Sarawak

- 6 Julai 1965
 - Melancarkan operasi Hammer.
- 8 Ogos 1969
 - Operasi besar-besaran rampasan senjata di Bahagian Ketiga.
- 24 Februari 1970
 - Operasi Jala Raja di Nonok (Asajaya), Bahagian Pertama.
- 8 Ogos 1971
 - Melancarkan operasi Ngayau di Bahagian Ketiga.
- 26 Mac 1972
 - Membentuk Rajang Area Security Command (RASCAM) di Bahagian Ketiga.
- 21 Oktober 1973
 - Melancarkan operasi Sri Aman.
- 4 Julai 1974
 - Operasi Sri Aman ditamatkan. Anggota komunis menyerah diri.
- 17 Oktober 1990
 - Perjanjian damai antara pihak komunis dengan kerajaan Sarawak berjaya menamatkan ancaman komunis.

Isu Pembangunan dan Ekonomi

- **Rancangan Malaysia Pertama**
 - **Isu**
 - Terlalu bergantung pada eksport getah dan bijih timah.
 - Harga bahan mentah jatuh.
 - Petani yang merupakan golongan berpendapatan rendah masih lagi menggunakan teknologi dan peralatan tradisional.
 - Petani tidak mengusahakan pertanian komersial.
 - **Usaha mengatasi**
 - Kegiatan ekonomi pertanian dan industri pemprosesan dipelbagaikan.
 - Pasaran baharu bagi getah dan bijih timah.
 - Mempelbagaikan pertanian seperti kelapa sawit dan koko.
 - Mempelbagaikan pengeluaran hasil komoditi negara.
 - **Isu**
 - Taraf hidup berbeza.
 - **Usaha mengatasi**
 - Program pembangunan negara berasaskan satu rancangan bersepadu dilancarkan.

- Membuka kawasan baharu untuk menggerakkan aktiviti perkilangan dan pembuatan negara.
- Mempercepat integrasi dalam kalangan penduduk dan negeri.
- Mendapatkan bantuan Bank Dunia.

- Isu

- Masalah kesihatan dan sosial.
- Keperluan asas dan hak wanita dari segi kehamilan terhad untuk memperoleh kesihatan terbaik.
- Kurangnya kemudahan perkhidmatan kesihatan profesional terhadap ibu-ibu mengandung.
- Kadar kelahiran tidak normal dan kematian yang tinggi.

- Usaha mengatasi

- Kadar kelahiran dikurangkan.
- Program Perancang Keluarga diperkenalkan.
- Perkhidmatan kesihatan di kawasan luar bandar ditambah baik.

- Isu

- Peluang pekerjaan yang terhad.
- Kadar pengangguran meningkat.

- Usaha mengatasi

- Penubuhan pusat latihan vokasional dan teknikal.
- Meluaskan peluang pekerjaan kepada penduduk.

Tragedi Hubungan antara Kaum

- **Rusuhan kaum**
 - Kesan ketidakseimbangan dalam ekonomi dan sosial di negara kita.
 - Terdapat parti politik mengeksploitasi isu yang menyentuh sensitiviti sesuatu kaum semasa berkempen Pilihan Raya Umum Ketiga 1969.
 - PKM mempengaruhi penduduk supaya bermusuhan.
 - Sentimen perkauman dan keagamaan digunakan untuk memperoleh sokongan.
 - Perarakan kemenangan pilihan raya tidak terkawal menimbulkan kekacauan.
- **Langkah yang diambil bagi mengatasi masalah Peristiwa 13 Mei 1969**
 - Darurat
 - Peranan Raja
 - Majlis Gerakan Negara (MAGERAN)



MAGERAN



Nota SMART

Perpaduan dan Integrasi Nasional

- Maksud perpaduan kaum
 - Merupakan penyatuan rakyat daripada pelbagai kaum dan agama.
 - Perpaduan kaum merujuk keadaan rakyat daripada pelbagai etnik, agama dan wilayah hidup dengan aman dalam masyarakat yang bersatu.
 - Memberikan komitmen yang penuh kepada identiti kebangsaan berlandaskan Perlembagaan Persekutuan dan Rukun Negara.
- Maksud integrasi nasional
 - Satu proses dinamik yang merapatkan hubungan masyarakat antara negeri dengan wilayah bertujuan membentuk satu bangsa.
 - Mempunyai identiti sendiri berteraskan Perlembagaan Persekutuan dan Rukun Negara.
- Usaha memperkasakan perpaduan dan integrasi nasional dari segi:
 - Politik
 - Menubuhkan Jabatan Perpaduan Negara di bawah bidang kuasa MAGERAN.
 - Mewartakan pembentukan Majlis Muhibah Negara pada 18 Julai 1969.
 - Menubuhkan Majlis Perundingan Negara pada 29 Januari 1970.
 - Menyelaras perkhidmatan awam antara negeri.
 - Membentuk kerajaan gabungan parti politik pelbagai kaum.
 - Ekonomi
 - Rancangan Pembangunan Lima Tahun Malaysia.
 - Dasar Ekonomi Baru dan Dasar Pembangunan Nasional diperkenalkan untuk kemakmuran ekonomi rakyat dan negara.
 - Sosial
 - Pembangunan masyarakat luar bandar dan wilayah melalui rancangan pembangunan tanah.
 - Memperkenalkan Zon Perindustrian Bebas bagi memajukan perindustrian dan perdagangan.
 - Mengintegrasikan ekonomi melalui pembangunan ekonomi wilayah.
 - Menambah baik Dasar Pendidikan Kebangsaan melalui Akta Pendidikan 1996.
 - Mengukuhkan sistem pendidikan melalui dasar pendidikan dan Falsafah Pendidikan Kebangsaan.
 - Memperkasakan bahasa Melayu sebagai bahasa kebangsaan melalui Akta Bahasa Kebangsaan.
 - Menggalakkan pengamalan budaya kebangsaan.
 - Menggalakkan pelibatan dalam sukan.
 - Memperkenalkan Rukun Negara.

Dasar Pendidikan Kebangsaan

- Laporan Rahman Talib 1960
- Laporan Jawatankuasa Kabinet 1979
- Akta Pendidikan 1996

Bahasa Melayu sebagai Bahasa Ilmu dan Bahasa Perpaduan

- Akta Bahasa Kebangsaan 1967
 - Bahasa rasmi sebagai alat memupuk perpaduan kaum.
 - Kedudukan bahasa Melayu dimartabatkan.
- Bahasa rasmi pentadbiran
 - Sebagai alat komunikasi rasmi dalam urusan di kementerian dan jabatan kerajaan.
 - Memperkasakan bahasa Melayu dalam sistem pendidikan
 - Mewajibkan sekolah menengah kebangsaan menggunakan bahasa Melayu sebagai bahasa pengantar dipergiat di seluruh negara.



- Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM) sebagai Pusat Keilmuan bahasa Melayu
 - Memperkenalkan pengajian pelbagai jurusan dan bidang kursus dalam bahasa Melayu.
 - UKM sebagai pusat penyelidikan dan rujukan dalam bahasa, kesusasteraan dan kebudayaan tamadun Melayu.
- Peranan Dewan Bahasa dan Pustaka (DBP)
 - Memartabatkan bahasa Melayu sebagai bahasa rasmi dan bahasa ilmu.
 - Mengembangkan bahasa dan sastera Melayu melalui penerbitan buku dan majalah, risalah dan menganjurkan seminar serta bengkel.
 - Mengadakan pelbagai aktiviti bersempena dengan Minggu dan Bulan Bahasa Kebangsaan.

Dasar Kebudayaan Kebangsaan

- Sejarah pembentukan
 - Digubal melalui Kongres Kebudayaan Kebangsaan (1971) anjuran Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan.
- Prinsip utama
 - Berteraskan kebudayaan rakyat asal rantau Melayu.
 - Unsur kebudayaan lain yang sesuai wajar diterima sebagai elemen penting.
 - Islam menjadi unsur penting dalam pembentukan Dasar Kebudayaan Kebangsaan
- Matlamat pembentukan
 - Mengukuhkan perpaduan bangsa dan negara melalui kebudayaan.
 - Memupuk dan memelihara keperibadian kebangsaan.
 - Memperkaya dan mempertingkatkan kualiti kehidupan kemanusiaan dan kerohanian yang seimbang dengan pembangunan sosioekonomi.
- Agensi pelaksana
 - Semua kementerian, agensi dan jabatan kerajaan yang berkaitan.
 - Kementerian Pelancongan, Kesenian dan Kebudayaan, Jabatan Kesenian dan Kebudayaan, Majlis Kebudayaan Negeri, Istana Budaya serta Akademi Seni Budaya dan Warisan Kebangsaan (ASWARA).
- Citrawarna Malaysia
 - Merupakan promosi pelancongan yang memperagakan kebudayaan, pakaian, tarian dan nyanyian rakyat Malaysia.

- Program ini diadakan setiap bulan Mei pada setiap tahun dengan melibatkan rakyat pelbagai kaum dan budaya.

- Penggiat budaya
 - Ramai tokoh dan penggiat budaya yang tersohor lahir daripada Dasar Kebudayaan Kebangsaan.
 - Tokoh tersebut memberi sumbangan terhadap proses membudayakan masyarakat dan kebudayaan bangsa.
 - Sumbangan mereka menggalakkan penghasilan karya seni tempatan yang bermutu tinggi dan memartabatkan khazanah asli negara.

Sukan sebagai Alat Perpaduan

- Sukan dan perpaduan melalui pendidikan
- Majlis Sukan Universiti Malaysia (MASUM)
- Sukan Malaysia (SUKMA)
- Penganjuran sukan peringkat serantau dan antarabangsa
- Kejayaan Malaysia kebanggaan bersama
- Laungan “Malaysia Boleh”
- Peranan organisasi dalam perkembangan sukan dan memupuk perpaduan kaum
- Kepimpinan berwibawa

Rukun Negara sebagai Tonggak Kesejahteraan Negara

- Sejarah pembentukan
 - Pembentukan Rukun Negara hasil daripada perbincangan dan pemikiran Majlis Perundingan Negara (MAPEN) yang dibentuk oleh MAGERAN pada 29 Januari 1970.
 - Pada 31 Ogos 1970, Yang di-Pertuan Agong IV telah mengisytiharkan Rukun Negara secara rasmi.
- Matlamat ke arah kesejahteraan
 - Masyarakat demokratik
 - Masyarakat liberal
 - Negara bersatu
 - Masyarakat adil
 - Masyarakat progresif
- Prinsip Rukun Negara
 - Kepercayaan kepada Tuhan
 - Kesetiaan kepada Raja dan Negara
 - Keluhuran Perlembagaan
 - Kedaulatan Undang-undang
 - Kesopanan dan Kesusilaan



Nota SMART

Pembentukan Dasar Ekonomi Baru (DEB)

- Latar belakang pembentukan
 - Penubuhan Majlis Perundingan Negara (MAPEN)
 - Mengadakan garis panduan bagi kerjasama antara kaum dan integrasi nasional untuk memupuk identiti kebangsaan dalam kalangan rakyat.
 - MAPEN menghasilkan dasar ekonomi yang dikenali sebagai Dasar Ekonomi Baru (DEB).
- Matlamat Dasar Ekonomi Baru (DEB)
 - Mencapai perpaduan dan kesejahteraan kaum.
 - Strategi Dasar Ekonomi Baru (DEB):
 - Membasmi kemiskinan dengan meningkatkan pendapatan dan peluang pekerjaan kepada rakyat tanpa mengira kaum.
 - Menyusun semula masyarakat untuk mengurangkan dan menghapuskan pengenalan kaum mengikut fungsi ekonomi.
- Isu sosioekonomi
 - Jurang sosioekonomi antara bumiputera dengan bukan bumiputera.
 - Jurang sosioekonomi antara pantai timur dengan pantai barat.
 - Jurang sosioekonomi antara masyarakat desa dengan bandar.
 - Jurang sosioekonomi antara negeri Pelaksanaan Dasar Ekonomi Baru (DEB)
- Meningkatkan taraf hidup rakyat
 - Melibatkan penduduk di luar bandar dan penduduk di bandar.
 - Tertumpu kepada penduduk miskin yang terdiri daripada petani, pekebun getah dan kelapa, nelayan, buruh dan penduduk kampung baharu.
 - Masalah pendapatan yang rendah dan perumahan dihadapi oleh penduduk di bandar.
- Rancangan Buku Hijau
 - Menambahkan pendapatan rakyat dan pengeluaran bahan makanan supaya cukup untuk keperluan negara.
 - Tumpuan sepenuhnya diberikan kepada penggunaan tanah.
 - Mengusahakan tanaman jangka pendek, perkebunan berkelompok, penternakan pemasaran yang baik dan projek kecil yang lain.
- Peranan agensi kerajaan
 - Lembaga Kemajuan Ikan Malaysia (LKIM)
 - Lembaga Pertubuhan Peladang (LPP)
 - Lembaga Beras dan Padi Negara (LPN)
 - Pihak Berkuasa Kemajuan Pekebun Kecil Perusahaan Getah (RISDA)
- Lembaga Kemajuan Tanah Persekutuan (FELDA) dan Pembangunan Tanah
 - Membuka tanah baharu untuk pertanian.
 - Menyediakan skim peneroka kepada penduduk pelbagai kaum.
- Pembangunan wilayah
 - Program dijalankan dengan membuka tanah untuk industri getah dan kelapa sawit.
 - Antara hasilnya ialah:
 - Lembaga Kemajuan Johor Tenggara (KEJORA)
 - Lembaga Kemajuan Terengganu Tengah (KETENGAH)
 - Lembaga Kemajuan Pahang Tenggara (DARA)
 - Lembaga Kemajuan Kelantan Selatan (KESEDAR)
 - Urban Development Authority (UDA)
- Pemilikan modal saham
 - Mewujudkan Masyarakat Perdagangan dan Perindustrian Bumiputera (MPPB) melalui penubuhan Permodalan Nasional Berhad (PNB).
 - Amanah Saham Nasional (ASN) dan Amanah Saham Bumiputera (ASB).

- Kaum bukan bumiputera diberi peluang dalam pemilikan modal saham melalui Amanah Saham Malaysia.
- Pengenalan Industri Kecil dan Sederhana (IKS)
 - IKS merupakan industri pembuatan barangan menggunakan modal yang kecil dan tenaga kerja yang tidak ramai.
 - IKS meliputi kraf tangan, makanan, pakaian dan inap desa.
 - Muncul usahawan muda yang dapat menyumbang kepada pembangunan masyarakat dan negara.
- Pendidikan tenaga kerja mahir
 - Memperkenalkan mata pelajaran Kemahiran Hidup di sekolah.
 - Pendidikan menengah atas dibahagikan kepada jurusan akademik dan vokasional.
 - Menubuhkan sekolah teknik dan vokasional, Maktab Perguruan Teknik, politeknik, Universiti Teknologi Malaysia dan Universiti (Institut) Teknologi Mara.
 - Menawarkan kursus kemahiran dalam pelbagai bidang bagi menampung permintaan terhadap tenaga kerja mahir.

Pembentukan Dasar Pembangunan Nasional (DPN)

- Latar belakang pembentukan
 - DPN merupakan kesinambungan DEB.
 - Dirangka untuk 10 tahun (1991 – 2000) melalui Rangka Rancangan Jangka Panjang Kedua (RRJP2).
 - Usaha untuk menjadikan Malaysia negara maju berdasarkan Wawasan 2020.
- Matlamat Dasar Pembangunan Nasional (DPN)
 - Mencapai perpaduan negara melalui pengagihan kekayaan.
- Objektif Dasar Pembangunan Nasional (DPN)
 - Mewujudkan masyarakat yang bersatu padu dengan memperkukuh kestabilan sosial dan politik.
 - Mengekalkan pembangunan ekonomi yang berterusan.
- Strategi Dasar Pembangunan Nasional (DPN)
 - Ekonomi
 - Sosial
 - Kemudahan fizikal dan alam sekitar

Pelaksanaan Dasar Pembangunan Nasional (DPN)

- Pembasmian kemiskinan
 - Menghapuskan kemiskinan tegar dalam kalangan penduduk pelbagai kaum.

- Penyusunan semula masyarakat
 - Pembentukan Masyarakat Perdagangan dan Perindustrian Bumiputera (MPPB).
- Penyusunan semula modal saham
 - Meningkatkan bahagian saham bumiputera selaras dengan matlamat asal DEB.
 - Bagi mencapai sekurang-kurangnya 30 peratus dalam pemilikan, penguasaan dan pengurusan sektor moden.
- Pembangunan wilayah
 - Meningkatkan integrasi ekonomi yang saling melengkapi antara negeri.
 - Menambah baik ketidakseimbangan pembangunan wilayah bagi memudahkan pencapaian kesamarataan pendapatan antara kaum di negara ini.

Pencapaian Dasar Ekonomi Baru (DEB) dan Dasar Pembangunan Nasional (DPN)

- Aspek sosial
 - Penurunan kadar kemiskinan
 - Peningkatan kualiti hidup
 - Kemunculan golongan pertengahan
 - Pembentukan Masyarakat Perdagangan dan Perindustrian Bumiputera
 - Pembangunan pendidikan
 - Pemodelan sektor pengangkutan dan perhubungan
 - Perkembangan wilayah dan kemunculan bandar baharu
- Aspek ekonomi
 - Kemunculan perindustrian berteknologi tinggi.
 - Melibatkan penggunaan jentera moden yang memerlukan kemahiran tinggi dan modal yang besar.
 - Industri teknologi tinggi dikendalikan oleh HICOM yang ditubuhkan pada tahun 1980.
 - Kewujudan kawasan perindustrian baharu.
 - Estet perindustrian
 - Taman teknologi perindustrian
 - Zon Perindustrian Bebas
 - Pertumbuhan industri kereta dan motosikal seperti PROTON, PERODUA dan MODENAS.
 - Peningkatan peluang pekerjaan untuk tenaga kerja yang terdiri daripada rakyat berbilang kaum.
 - Peningkatan pendapatan rakyat dan taraf hidup masyarakat.



Nota SMART

Latar Belakang Dasar Luar

- Kerajaan awal seperti P'an-p'an, Langkasuka dan Chih-t'u menjalinkan hubungan dengan China sebelum Kesultanan Melayu Melaka.
- Pada zaman Kesultanan Melayu Melaka, hubungan diplomatik dan perdagangan telah terjalin dengan beberapa kerajaan di rantau dan di luar Alam Melayu pada abad ke-15 dan ke-16.
- Pada zaman British, Pejabat Tanah Jajahan di London telah mengawal hal luar negeri Melayu, NNS, Sarawak dan Sabah.
- Selepas kemerdekaan, dasar luar Tunku Abdul Rahman Putra al-Haj bersifat probarat dan antikomunis.
- Manakala era Tun Abdul Razak Hussein pula menyaksikan dasar luar yang lebih bersikap tidak memihak kepada mana-mana negara tanpa mengira ideologi.

Asas Penggubalan Dasar Luar

- Matlamat penggubalan dasar luar
 - Mempertahankan kemerdekaan dan kedaulatan negara.
 - Melindungi kepentingan nasional.
 - Mempertahankan dan memajukan kepentingan negara.
 - Memupuk hubungan baik dengan negara luar.
 - Menghadapi perkembangan serta cabaran politik, ekonomi dan sosial.
- Faktor penggubalan dasar luar
 - Ikatan sejarah dan budaya
 - Keperluan nasional
 - Kepimpinan negara
 - Perkembangan politik, ekonomi dan sosial antarabangsa yang sentiasa berubah.

Malaysia dalam Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB)

- Pendirian Malaysia dalam soal antarabangsa ialah "hidup bersama secara aman".

- Komitmen dan pelibatan Malaysia dalam PBB:
 - Mendukung Piagam PBB, iaitu
 - Menegakkan hak asasi manusia.
 - Menghormati kedaulatan wilayah negara lain.
 - Tidak campur tangan dalam urusan hal ehwal negara lain.
 - Melibatkan diri dalam agensi PBB
 - Pertubuhan Pendidikan, Sains dan Kebudayaan (UNESCO)
 - Pertubuhan Makanan Sedunia (FAO)
 - Pertubuhan Kesihatan Sedunia (WHO)
 - Pesuruhjaya Tinggi PBB mengenai Pelarian (UNHCR)
 - Menyertai Majlis Keselamatan
- Sumbangan dalam misi pengaman
 - Antara misi pengaman yang disertai oleh Malaysia ialah di Congo, Namibia, Somalia, Bosnia dan Herzegovina, Kemboja, Timor Leste, Ethiopia dan Lubnan.
- Misi pegawai pemerhati
 - Terlibat dalam misi pegawai pemerhati di bawah PBB di Sierra Leone, Chad-Libya, Bosnia dan Herzegovina, Iraq, Kemboja, Liberia, Congo, Namibia, Angola, Mozambique, Ethiopia dan Timor Leste.
- Tokoh Malaysia dalam agensi PBB
 - Tan Sri Dr. Jemilah Mahmood
 - Datuk Maimunah Mohd Sharif
 - Tan Sri Razali Ismail
 - Dr. Jomo Kwame Sundaram
 - Tan Sri Aboo Samah Aboo Bakar

Malaysia dalam Komanwel

- Komanwel ialah pertubuhan antarabangsa yang dianggotai oleh negara bekas tanah jajahan dan naungan British yang telah merdeka.
- Penyertaan dan sumbangan Malaysia:
 - Menyertai Rancangan Colombo
 - Kerjasama pertahanan
 - Kerjasama dalam ekonomi

- Menentang Dasar Aparteid
- Menganjurkan Mesyuarat Ketua-Ketua Negara Komanwel (CHOGM)
- Menganjur dan menyertai Sukan Komanwel

Cabaran Mengukuhkan Dasar Luar

- Politik antarabangsa
 - Mengamalkan dasar berkecuali.
 - Menjalinkan hubungan diplomatik dengan China.
- Politik serantau
 - Kebanjiran pendatang asing Vietnam.
 - Pergolakan politik di Indochina.
- Keselamatan dan pertahanan
 - Perjanjian antara Malaysia dengan British (AMDA) tamat pada tahun 1971.
 - Malaysia menandatangani perjanjian pertahanan baharu, iaitu Perjanjian Pertahanan Lima Negara (FPDA) yang melibatkan Malaysia, Singapura, Britain, New Zealand dan Australia.
- Pembangunan ekonomi
 - Wujud dominasi negara maju bagi menentukan harga komoditi bijih timah, getah, hasil minyak dan gas negara.

Malaysia dalam Persatuan Negara-negara Asia Tenggara (ASEAN)

- Zon Aman, Bebas dan Berkecuali (ZOPFAN)
 - Deklarasi Kuala Lumpur 1971.
 - ASEAN sebagai satu platform terpenting untuk mengisytiharkan perubahan dasar luar negara pada peringkat serantau dan global.
- Penyelesaian konflik serantau
 - Konflik di Vietnam dan Kemboja berkaitan dengan ancaman komunis dan pelarian.
 - Malaysia menyeru agar kuasa besar tidak campur tangan dalam isu Vietnam.
 - Pilihan raya pada tahun 1993 berjaya menyelesaikan isu di Kemboja.
 - Menghantar pasukan pengaman di bawah PBB (Misi UNTAC).
- Kerjasama ekonomi
 - Projek Industri ASEAN (AIP) bermula pada tahun 1978.
 - Malaysia mempromosikan dan menyokong konsep integrasi ekonomi ASEAN.
 - Skim Keutamaan Perdagangan (SKP) 1976 dilaksanakan pada tahun 1978.

- Kerjasama sosial
 - Menubuhkan Pertubuhan Menteri-Menteri Pendidikan Asia Tenggara (SEAMEO).
 - Menubuhkan Pusat Serantau Pendidikan untuk Sains dan Matematik (RECSAM) di Pulau Pinang.
 - Menubuhkan Tabung Kebudayaan ASEAN.
 - Melaksanakan Sukan SEA bertujuan untuk menjalinkan kerjasama dalam sukan.

Malaysia dalam Pergerakan Negara-negara Tanpa Pihak (NAM)

- Tuan rumah sidang kemuncak dan pengerusi
 - Deklarasi Kuala Lumpur 2003 menyatakan sikap NAM terhadap isu Palestin serta serangan Amerika Syarikat ke atas Iraq yang dianggap sebagai satu bentuk pencerobohan kuasa besar ke atas negara kecil.
- Peranan dalam politik
 - Isu Aparteid disuarakan melalui platform NAM.
- Dasar keamanan dan berkecuali
 - Malaysia berpendapat negara kuasa besar seperti China, Rusia dan Amerika Syarikat perlu mengakui dan tidak campur tangan serta memberikan tekanan kepada negara di rantau tersebut.

Malaysia dalam Pertubuhan Kerjasama Islam (OIC)

- Setiausaha Agung Pertama
 - Tunku Abdul Rahman Putra al-Haj memegang jawatan sebagai Setiausaha Agung yang pertama pada tahun 1970 hingga 1974.
- Pengerusi OIC
 - Pada tahun 2003, Tun Abdullah Ahmad Badawi dilantik sebagai Pengerusi OIC.
- Pembangunan pendidikan
 - Memberikan penekanan dalam bidang pendidikan melalui pembiayaan pelajaran dan kebajikan.
- Menangani isu politik negara Islam
 - Menyuarakan pandangan mengenai isu politik yang melanda negara Islam seperti Palestin, Afghanistan dan perang Iran-Iraq.
- Pembangunan ekonomi
 - Malaysia menyokong aktiviti Bank Pembangunan Islam (IsDB).



Nota SMART

Malaysia dalam Isu Global Kontemporari

- Penyalahgunaan dadah
 - Menyuarakan bahaya penyalahgunaan dadah dalam forum antarabangsa (Persidangan Penguatkuasaan Dadah Antarabangsa).
 - Mendapatkan kerjasama daripada Polis Antarabangsa (International Criminal Police Organization-INTERPOL).
 - Bekerjasama dengan negara lain bagi menggubal strategi operasi menangani masalah.
- Pertindihan sempadan
 - Melalui keputusan yang dibuat oleh Mahkamah Antarabangsa.
 - Membangkitkan isu Spratly dalam Forum ASEAN-China pada tahun 1995.
- Kempen Antiminyak sawit
 - Pertubuhan Roundtable on Sustainable Palm Oil (RSPO).
 - Kempen secara berterusan.
 - Mendapatkan skim pensijilan Malaysian Sustainable Palm Oil (MSPO) sejak tahun 2019.
 - Menghasilkan pengeluaran minyak sawit secara mampan.
 - Melaksanakan amalan baik seperti Amalan Pertanian Baik atau *Good Agricultural Practices* (GAP).
- Pemerdagangan orang
 - Menguatkuasa undang-undang menerusi Konvensyen PBB mengenai Hak Kanak-Kanak 1989 dan Protokol PBB untuk mencegah, menyekat serta menghukum pesalah pemerdagangan orang.
 - Menubuhkan Majlis Antipemerdagangan Orang dan Antipenyeludupan Migran.
 - Menguatkuasakan Akta Antipemerdagangan Orang dan Antipenyeludupan Migran 2007.

- Mewujudkan Pelan Tindakan Kebangsaan Antipemerdagangan Orang (2010-2015).
- Menjalankan rundingan dengan negara luar, penguatkuasaan, pendakwaan dan perlindungan.
- Penyakit berjangkit
 - Memberi rawatan kepada mangsa.
 - Pemeriksaan kesihatan secara berterusan.
 - Pelaksanaan National Strategic Plan for Ending AIDS – NSPEA (Pelan Strategik Kebangsaan Mengakhiri AIDS).

Peranan Malaysia dalam Hubungan Ekonomi Antarabangsa

- Meluaskan pasaran ekonomi
 - Bersetuju untuk mempermudah dan meningkatkan perdagangan sesama anggota ASEAN melalui AFTA.
- Dominasi ekonomi negara maju
 - Membangkitkan pandangan ini dalam pelbagai forum antarabangsa termasuk di PBB dan Kerjasama Ekonomi Asia Pasifik atau Asia-Pacific Economic Cooperation (APEC).
- Kerjasama pembangunan ekonomi segi tiga
 - Mengurangkan kebergantungan pada pasaran kewangan antarabangsa.
 - Mewujudkan pelbagai badan serta tindakan yang berkaitan seperti Koperasi ASEAN dan Bank ASEAN.
- Menangani kemelesetan ekonomi
 - Menggunakan pendekatan sendiri dengan menambat kadar pertukaran ringgit (RM) kepada dolar (USD) dengan kadar RM3.80 bagi USD1.
- Mengantarabangsakan sistem kewangan Islam
 - Menubuhkan Pusat Antarabangsa Pendidikan Kewangan Islam (INCEIF) bertujuan menyokong perkembangan kewangan Islam.

Pelibatan Rakyat dalam Isu Kemanusiaan dan Keamanan

- Isu Palestin
 - Rejim Zionis Israel melakukan kekejaman, pengusiran dan pembunuhan terhadap penduduk Palestin.
 - Non-Governmental Organization (NGO) ditubuhkan bagi membantu warga Palestin.
- Isu Syria
 - Pada tahun 2011 berlaku krisis politik di Syria menyebabkan rakyat Syria mengalami masalah kekurangan makanan dan kemudahan perubatan.
 - Antara NGO yang membantu Syria:
 - Organisasi Humanitarian Care Malaysia (MyCare)
 - Global Peace Mission (GPM)
 - Cinta Syria Malaysia (CSM)
- Tsunami di Aceh dan Sri Lanka
 - Pada tahun 2004 berlaku bencana alam seperti tsunami di Aceh dan Sri Lanka.
 - Kerajaan Malaysia telah menyalurkan bantuan dari segi perubatan, makanan dan keperluan harian.
 - Antara NGO yang terlibat ialah:
 - Malaysian Medical Relief Society (MERCY Malaysia)
 - Angkatan Belia Islam Malaysia (ABIM)
 - Yayasan Restu

Usaha Mengekalkan Kelestarian Global

- Mengisytiharkan Deklarasi Langkawi 1989
 - Menangani isu alam sekitar seperti kesan rumah hijau, kerosakan dan penipisan lapisan ozon dan pencemaran yang disebabkan aktiviti manusia yang tidak terkawal.
 - Melaksanakan Dasar Alam Sekitar Negara 2002.
 - Mengisytiharkan Langkawi sebagai *geopark*.
 - Pada tahun 2009 melancarkan Dasar Teknologi Hijau Negara.
- Menyertai Sidang Kemuncak Bumi 1992
 - Isu pencemaran alam sekitar.
 - Deklarasi Agenda 21 menunjukkan komitmen Malaysia dalam Sidang Kemuncak Bumi.
 - Malaysia terlibat dalam Protokol Kyoto 1997 dan persidangan alam sekitar di Bali pada tahun 2007.

- Antartika sebagai warisan sejagat
 - Mendesak PBB mengambil langkah menjadikan Antartika sebagai warisan manusia sejagat.
 - Mencadangkan PBB mentadbir Antartika supaya segala bentuk hasil yang terdapat di benua tersebut dapat dikongsi Bersama oleh semua negara.

Wawasan Malaysia Menuju Masa Hadapan

- Komuniti ASEAN
 - Keselamatan rantau ASEAN kekal terjamin dan segala konflik dapat diselesaikan secara damai.
- Keselamatan makanan
 - Mendapatkan maklumat tentang dasar sekuriti makanan bagi negara anggota ASEAN.
 - Membentuk Simpanan Beras Kecemasan ASEAN.
- Alam sekitar
 - Perjanjian ASEAN berkaitan dengan Pencemaran Jerebu Merentas Sempadan.
 - Memastikan krisis jerebu tidak akan berlaku lagi di rantau Asia Tenggara.
 - Menekankan prinsip "ASEAN Tanpa Jerebu 2020".
- Zon bebas nuklear
 - Perjanjian Zon Bebas Senjata Nuklear Asia Tenggara ditandatangani oleh Malaysia.
 - Negara yang terlibat dengan senjata nuklear tidak mengembangkan, mengeluarkan memperoleh, memiliki atau mengawal senjata nuklear di rantau Asia Tenggara.
- Kerelevanan organisasi antarabangsa
 - Pertubuhan dunia seperti PBB dan OIC tidak mampu berfungsi dengan baik dalam mencapai matlamatnya melindungi hak dan kedudukan negara kecil yang sedang membangun.
 - Sidang Kemuncak Kuala Lumpur 2019 dianjurkan oleh Malaysia melibatkan 56 buah negara Islam dengan 450 perwakilan.
- Hak asasi manusia, pelarian dan pendatang asing tanpa izin (PATI)
 - Membendung kemasukan PATI melalui pengukuhan mekanisme pengurusan warga asing bagi memelihara ketenteraman dan keselamatan negara.
 - Pada tahun 1999, SUHAKAM ditubuhkan.